

Sejarah ilmu mantik / logic

Pada abad ke 15, lahir di Athen satu golongan yang dinamakan (Sufustaiyyun), mereka berpendapat bahawa mustahil adanya ukuran untuk sesuatu kebenaran. Mereka menumpukan perhatian tentang dengan perkara tersebut iaitu Sesuatu hakikat itu tidak tetap dan ini memberi kesan yang buruk di negara Greek.

Pada masa itu muncullah Socrates mengajar para pelajarinya menggunakan cara dialog, perbincangan dan membuktikan bahawa hakikat sesuatu itu memang ada, hakikat kebaikan itu ada dan hakikat kejahatan itu juga ada. Cara ini diikuti oleh pelajarinya Plato, kemudian selepas mereka berdua datang pula Aristotle, beliau membuat kaedah asas dalam berfikir untuk mencari hakikat – iaitu kaedah ilmu mantik – beliau menghalusi perbhasannya dan menyusun permasalahannya. Aristotle digelar pengasas ilmu Mantik.

Pada zaman awal pemerintahan Abbasiyah - zaman penterjemahan - Orang Arab mula mengenali ilmu mantik yang merupakan antara ilmu-ilmu yang diterjemahkan ke dalam bahasa Arab.

Antara tokoh yang terlibat dengan ilmu ini ialah al Farabi (meninggal dunia 339), Ibnu Sina (meninggal dunia 428) , imam Abu Hamid al Ghazali (meninggal dunia 505) dan imam al Razi (meninggal dunia 606). Mereka ini mempunyai peranan penting (berkaitan ilmu mantik ini), terutama al Farabi yang digelar pengasas kedua ilmu mantik.

نشأة علم المنطق

في القرن الخامس قبل الميلاد ظهر في أثينا جماعة يسمون (بالسوفسطائيين)، ذهبوا إلى استحالة وجود مقياس ثابت للحق، ويعنون بذلك أن الحقيقة لا ثابت لها، فأحدثوا أثرا سيئا في بلاد اليونان.

فظهر في هذا الوقت سقراط، وأخذ يعلم تلاميذه عن طريق الحوار والمناقشة والإقناع أن حقائق الأشياء ثابتة، فللخير حقيقة ثابتة وللشر حقيقة ثابتة. وسار على دربه تلميذه أفلاطون، ثم جاء من بعدهما أرسطو فوضع القواعد التي تمكن الفكر من الوصول إلى الحقائق - وهي قواعد علم المنطق - وهذب مباحثه، ورتب مسأله فسمى المعلم الأول.

وفي العصور العباسي الأول - عصر الترجمة - عرف العرب المنطق ضمن العلوم التي قاموا بترجمتها.

ومن أشهر من اشتغل به: الفارابي (ت ٣٣٩) ، وابن سينا (ت.٤٢٨)، الإمام أبو حامد الغوالي (ت. ٥٠٥)، والإمام الرازي (ت.٦٠٦) وغيرهم. وكان لهم إسهام معروف وبخاصة الفارابي الذي لقب بالمعلم الثاني .

Asas ilmu mantik**1- Pengertian ilmu mantik:**

Peraturan yang mengawal akal fikiran manusia daripada tersalah semasa berfikir.

Kaedah-kaedah umum yang menjaga akal fikiran manusia daripada tersalah semasa berfikir iaitu menyusun maklumat tasawwuriyah dan tasdiqiah, (maklumat-maklumat yang berupa tanggapan/gambaran dan maklumat-maklumat yang berupa hukum dan penetapan) untuk mengenal dan mendapat gambaran tentang sesuatu yang tidak diketahui atau membantu seseorang untuk mendapat kepastian tentang hakikat sesuatu yang belum pasti.

| | |
|------------------------------|------------------|
| (القانون) Kaedah-kaedah umum | (تعصم) Menjaga |
| (الذهن) Akal | (الفكر) Berfikir |

2- Perbahasannya:

Berkaitan Maklumat Tasawwuriyah dan Tasdiqiah, yang mana ianya dapat membantu seseorang untuk mengenal dan mendapat gambaran tentang sesuatu yang tidak diketahui atau membantu seseorang untuk mendapat kepastian tentang hakikat sesuatu yang belum pasti, kerana ilmu Mantik membahaskan tentang dua perkara ini :

contoh:

1. Perkataan “manusia” – adalah tasawur (gambaran)
2. “Hamzah Berjaya” – adalah tasdiq (maklumat yang berupa penetapan)

3- Faedahnya:

- 1- Mengawal fikiran daripada tersalah semasa berfikir. Sebagaimana ilmu tatabahasa Arab memelihara lidah daripada tersalah semasa berkata-kata, begitulah juga ilmu logic menjaga akal daripada kesilapan semasa menyusun maklumat untuk disampaikan.
- 2- Menolak hujahan golongan yang menentang di kalangan musuh-musuh Islam yang mana mereka bermain dengan bahasa dan istilah yang memberi kesamaran kepada orang yang tidak mempunyai pengetahuan mendalam.

مبادئ علم المنطق**تعريف علم المنطق :**

هو قانون تعصم مراعاته الذهن عن الخطأ في الفكر .

* القواعد الكلية تحفظ مراعاته العقل عن الخطأ في النظر - وهو ترتيب المعلومات التصورية والتصديقية للوصول بها إلى مجهول تصوري أو تصديقي.

* القانون : القواعد الكلية،
* تعصم : أي تحفظ
* الفكر : النظر
* الذهن : العقل

موضوعه :

المعلومات التصورية والتصديقية من حيث إنها توصل إلى المجهول التصوري والتصديقي ؛ لأن المنطق يبحث فيه عن هذين الأمرين،

كقولنا : إنسان، وقولنا : حمزة ناجح، فالأول يسمى تصورا، والثاني يسمى تصديقا .

فائدته:

١. عصمة الذهن من الخطأ في الفكر، فكما أن النحو يعصم اللسان عن الخطأ في القول، فكذلك المنطق يعصم الذهن عن الخطأ في ترتيب معلوماته .

٢. الرد على المخالفين والمجادلين من خصوم الإسلام، الذين يتلاعبون بالألفاظ والمصطلحات إيهامًا لغير المتخصصين.

٣. تربي دراسة المنطق في الإنسان ملكة النقد والتقدير ووزن الأمور وزنا صحيحًا، كما تربي فيه القدرة على النظر إلى الأشياء نظرة شاملة متكاملة، مما يساعد على انتظام المجتمع واستقراره.

اسمه :

اسمه علم المنطق، وسمي بذلك، لأنه يقوي الإدراك، ويعصمه عن الخطأ في الفكر. ويسمي أيضا: معيار العلوم، وعلم الاستدلال، وميزان العلوم، وقانون الفكر، ولا ريب أن كثرة الأسماء تدل على شرف المسمى بها .

حكم الاشتغال بالمنطق

اختلف العلماء في حكم الاشتغال بعلم المنطق على ثلاثة أقوال:

القول الأول:

التحريم، وهو قول ابن الصلاح والنووي؛ لأن المنطق - في نظرهما - مدخل إلى الفلسفة التي هي مادة الحيرة والضلال، ومدخل الشر شر.

القول الثاني:

الجواز، وهو قول الإمام الغزالي حيث قال: (من لا يعرف المنطق، فلا ثقة بعلمه).

القول الثالث:

التفصيل وهو الصحيح - فيجوز الاشتغال بالمنطق لقوي الفطنة، المشتغل بالكتاب والسنة المميز بين الصحيح والفساد من الأقوال، ويحرم على غيره.

3. Belajar ilmu logik ini melatih kebolehan mengkritik dan mengandai serta menimbang sesuatu perkara dengan pertimbangan yang betul sebagaimana ianya melatih kemampun memberi pandangan kepada sesuatu perkara dengan pandangan yang menyeluruh, seterusnya ini akan membantu tersusunnya kehidupan masyarakat dan kestabilannya.

Nama ilmu ini:

Ilmu mantik kerana ianya menguatkan fikiran dan memeliharanya daripada kesilapan semasa berfikir.

dinamakan juga : Pengukur ilmu, ilmu istidlal, neraca segala ilmu, peraturan berfikir. Ilmu ini mempunyai nama yang banyak, ini menunjukkan mulianya perkara ini.

Hukum mempelajarinya:

Ulamak berbeza pendapat tentang Hukum mempelajari ilmu mantik kepada tiga pendapat:

Pendapat pertama:

Haram mempelajarinya. Ini pendapat Ibnu Solah dan an Nawawi, kerana ilmu mantik – mengikut pandangan mereka berdua – adalah pendahuluan kepada falsafah yang merupakan perkara yang sesat. Apabila ianya menjadi pendahuluan kepada perkara buruk maka ilmu ini juga buruk.

Pendapat kedua:

Harus mempelajarinya. Ini pendapat imam al Ghazali. Beliau berkata: “Orang yang tidak memahami ilmu mantik maka ilmunya tidak boleh dipercayai”.

Pendapat ketiga:

Ada penjelasan yang panjang. inilah yang tepat. hukumnya boleh mempelajari ilmu ini untuk menajamkan akal mereka yang mengkaji al Quran dan sunnah yang mana dapat membezakan antara pendapat yang betul dan yang salah, dan hukumnya haram bagi tujuan selain perkara ini.

Kelebihannya: Ia merupakan antara ilmu yang mempunyai banyak kelebihan kerana faedahnya begitu banyak.

Nisbah ilmu ini berbanding dengan ilmu lain : Perbezaan (yang jelas)

Pengasasnya: Aristotle

Sumbernya: Dari akal fikiran

Permasalahannya: Sesuatu perkara dan jenis-jenisnya, bentuk ayat dan perkara yang berkaitan dengannya.

فضله : من أشرف العلوم: لأنه أعمها نفعاً

نسبته إلى غيره : التباين (الاختلاف)

واضعه: ارسطو

استمداده : من العقل

مسائله: المعارف وأنواعها، والقضايا وأحكامها

الأسئلة

س ١- لماذا اهتم العرب بترجمة المنطق؟ وفي أي عصر كانت ترجمته؟

س ٢- اذكر أسماء ثلاثة من العلماء الذين اهتموا بالترجمة والتأليف لعلم المنطق.

س ٣- عرف علم المنطق، وبين موضوعه، وثمرته، وواضعه؟

س ٤- بين أقوال العلماء في حكم الاشتغال بعلم المنطق؟

الإجابة :

Jenis-jenis Ilmu

1) Ilmu mengikut ahli mantik:

Ilmu ialah pengetahuan yang umum

* Ilmu dikaitkan dengan “bersifat baharu” : supaya tidak termasuk dalam perbincangan ilmu ini ilmu Allah swt kerana ianya suci dari bersifat dengan *tasawwur* atau *tasdiq* kerana ianya adalah qadim.

* Ilmu ada dua bahagian : *Tasawwur* dan *Tasdiq*:

2) Erti Tasawwur :

(Mengetahui sesuatu) iaitu dapat gambaran sesuatu benda tanpa apa-apa penetapan samada menetapkan atau menafikan.

Ini bermaksud mana-mana pengetahuan yang tidak ada sebarang penetapan adalah dianggap sebagai *tasawwur* (gambaran).

Contoh: (Abdullah), (ilmuan al Azhar), (kuda) – adalah *tasawur* kerana tidak ada apa-apa penetapan.

*** Ayat : Muhammad seorang yang berilmu

Ayat ini mengandungi :

1. *Mahkum alaih* (subjek) : Muhammad
2. *Mahkum bih* (predikat) : seorang yang berilmu
3. Hubungan maksud ayat: nisbah ilmu kepada Muhammad
4. Berlakunya Hubungan maksud ayat ini atau tidak berlaku.

أنواع العلم الحادث

(١) العلم عند المناطقة

* هو مطلق الإدراك،

* قيد العلم بالحادث: حتى يخرج علم الله تعالى؛ لأنه منزه عن الاتصاف بالتصور أو التصديق؛ لأنه قديم.

* العلم قسمان: تصور وتصديق.

(٢) معنى التصور:

* (إدراك مفرد)، وهو حصول صورة الشيء في الذهن من غير حكم عليه بإثبات أو نفي.

* معنى ذلك: أن أي إدراك لا حكم فيه يكون تصورا،

* مثل: (عبد الله)، (عالم الأزهر)، (مُحَمَّد)، (فرس) – تصور؛ لأنه لا حكم فيه.

** القضية : (مُحَمَّد عالم)

هذه القضية تشتمل على:

١- المحكوم عليه : (مُحَمَّد)،

٢- المحكوم به : (عالم)،

٣- نسبة كلامية : نسبة العلم لمحمد.

٤- وقوع هذه النسبة أو عدم وقوعها.

Tasdiq adalah penetapan iaitu mengetahui hubungan makna sesuatu perkataan itu benar-benar berlaku atau tidak,

tetapi dengan syarat mengetahui *mahkum alaih* (subjek) spt cth perkataan (Muhammad) dan *mahkum bih* (predikat) spt cth (seorang yang berilmu) serta hubungan makna sesuatu perkataan dengan perkataan lain, spt cth (nisbah ilmu kepada Muhammad).

Contoh : Muhammad (*Mahkum alaih*) seorang ilmuan (*mahkum bih*).
Nisbah “ilmu” yang ada pada “Muhammad” ialah nisbah “gabungan dalam ayat”.

* **Mengikut mazhab Ahli pujangga** : *Tasdiq* ialah Ayat mudah (mempunyai satu unsur), kerana ia adalah ungkapan tentang mengetahui berlakunya hubungan maksud ayat tersebut atau tidak berlaku.

Manakala mengetahui *mahkum alaih* (subjek) dan *mahkum bih* (predikat) serta hubungan makna sesuatu perkataan dengan perkataan lain, semua ini adalah syarat bagi *tasdiq* yang tidak boleh dipisahkan.

* **Mengikut mazhab Imam Ar-Razi**: *Tasdiq* ialah: Mengetahui *Mahkum ‘alaih*¹, Mengetahui *Mahkum bih*², Mengetahui *nisbah hukum*³ dan Mengetahui *nisbah ayat* (sama ada benar-benar berlaku atau tidak).

Contoh : Muhammad seorang penyair
Ayat ini mengikut imam ar Razi ialah Ayat yang terdiri dari 4 pengetahuan dan setiap pengetahuan ini merupakan satu bahagian daripadanya

Tasdiq mengikut cendekiawan ialah Ayat mudah (mempunyai satu unsur)
Tasdiq mengikut imam ar Razi ialah Ayat yang mempunyai beberapa unsur

4) Ilmu terbahagi kepada *nadzari* dan *dharuri*,

Huraian:

Ilmu iaitu *Tasawwur* dan *Tasdiq* terbahagi kepada *nadzari* dan *dharuri*, maka ilmu ini terdapat 4 bahagian:

- | | |
|----------------------------|----------------------------|
| 1) <i>Tasawwur Nadzari</i> | 2) <i>Tasawwur Dharuri</i> |
| 3) <i>Tasdiq Nadzari</i> | 4) <i>Tasdiq Dharuri</i> |

وإليك تعريف كل؛

¹ *Mahkum ‘alaih* / Maudu’ – subjek / persoalan utama yang hendak dijelaskan mengenainya.

² *Mahkum bih* / Mahmul – objek / predikat / perkhabaran kepada sesuatu benda.

³ *Nisbah hukum* / Rabitah – perkataan yang menjadi penghubung di antara maudu’ dan mahmul.

٣) معنى التصديق عند الحكماء:

هو الحكم، وهو إدراك أن النسبة واقعة أو ليست بواقعة،
ولكن بشرط إدراك المحكوم عليه وهو (مُجَدِّدٌ) في المثال السابق، والمحكوم به، وهو (عالم)،
وإدراك النسبة الكلامية، وهي نسبة العلم لمحمد،

* **التصديق عند الحكماء بسيط**؛ لأنه عبارة عن إدراك أن النسبة واقعة أو ليست بواقعة،
أما إدراك المحكوم عليه والمحكوم به، والنسبة الكلامية فهي شروط التصديق لا أجزاء له.

* **التصديق عند الإمام فخر الرازي**: هو عبارة عن إدراك المحكوم عليه، وإدراك المحكوم به،
وإدراك النسبة الكلامية، وإدراك أن النسبة واقعة أو ليست بواقعة،
مثل: (مُجَدِّدٌ شاعر)، فهو عبارة عن الإدراكات الأربع، وكل إدراك منها جزء منه

* التصديق عند الرازي مركب،

* التصديق عند الحكماء بسيط.

٤) تقسيم العلم إلى ضروري ونظري:

الشرح: ينقسم العلم الذي هو تصور أو تصديق، إلى ضروري ونظري، فتكون الأقسام أربعة:

١- تصور ضروري ٢- تصور نظري

٣- تصديق ضروري ٤- تصديق نظري

3) **Erti Tasdiq** mengikut mazhab ahli pujangga :

التصور النظري

هو ما يحتاج في تصوره إلى التأمل يعني إلى الفكر والنظر،

* الفرد أي الشخص منا يحتاج في معرفته لمفهوم – معنى (إنسان) إلى أمور معلومة يتوصل بها إلى هذا المفهوم الذي كان مجهولا لديه، وهذه الأمور هي حقيقته التي هي (حيوان ناطق) فإذا كانا معلومين لنا توصلنا بهما إلى تصور الإنسان.

ويقابله التصور الضروري:

التصور الضروري

وهو ما لا يحتاج في تصوره إلى فكر وتظر،
مثل: تصور الحرارة أو البرودة بمجرد اللمس.

التصديق النظري

هو ما يتوقف الحكم فيه على فكر ونظر،

* مثل: الحكم بحدوث العالم يحتاج إلى قضايا معلومة تؤلف على هيئة مخصوصة نتوصل بها إلى معرفة هذا المجهول التصديقي.

* مثل: (العالم متغير)، (وكل متغير حادث) ينتج (العالم حادث).

التصديق الضروري

هو الذي لا يحتاج الحكم فيه إلى فكر ونظر،

* مثل: الولد أصغر من أبيه، والكل أكبر من الجزء.

Berikut adalah definisinya:

Tasawwur Nadzari :

Sesuatu yang memerlukan kepada pemerhatian iaitu kajian dan penelitian.

Seseorang yang ingin mengetahui maksud (Manusia) memerlukan kepada maklumat yang menyampaikannya kepada maksud (manusia) yang ia belum tahu. Perkara (maklumat) ini sebenarnya ialah (haiwan yang boleh bertutur). Apabila adanya kedua-dua maklumat ini maka kita ketahui gambaran (manusia) itu.

Lawan bagi *Tasawwur Nadzari* ialah *tasawwur dharuri*.

Tasawwur Dharuri :

Sesuatu yang tidak memerlukan kepada kajian dan penelitian.

Contoh : mengetahui gambaran *panas* atau *sejuk* - hanyalah dengan melalui sentuhan.

Tasdiq Nadzari :

Sesuatu yang mana penetapannya berdasarkan kepada kajian dan penelitian.

Contoh: menetapkan barunya alam ini memerlukan kepada pernyataan-pernyataan yang dimaklumi yang tersusun dalam bentuk tertentu yang boleh menyampaikan kita kepada pengetahuan perkara yang tidak diketahui ketetapanannya.

contoh: (Alam ini berubah), (setiap yang berubah adalah baharu) – hasilnya (Alam ini adalah baharu).

Tasdiq Dharuri :

Sesuatu yang mana penetapannya tidak berdasarkan kepada kajian dan penelitian.

Contoh : Anak itu lebih muda (usianya) daripada ayahnya. Keseluruhan itu lebih besar daripada satu bahagian.

5) Perkara yang telah dimaklumi yang membantu kita untuk mendapat **gambaran tentang sesuatu yang belum diketahui**, bagi ahli mantik dikenali sebagai, qaul syarih⁴ atau dinamakan juga sebagai ta'rif dan mu'arraaf.

Apabila kita ingin menggambarkan (kuda), kita perlu berfikir tentang perkara sebenarnya iaitu (binatang yang meringgik) – (binatang) adalah *jins* dan (meringgik) adalah *fasl*.

* perkara yang telah dimaklumi iaitu (binatang yang meringgik) dipanggil sebagai *qaul syarih* dan *ta'rif*.

* Perkara yang telah dimaklumi yang menyampaikan kita kepada mengetahui perkara yang tidak diketahui ketetapanannya, ini dinamakan *hujah*.

Contoh : Orang beriman dikasihi

* Ketetapan ini iaitu mensabitkan kasih itu untuk orang beriman memerlukan kepada susunan ayat yang dimaklumi yang menerangkan keadaan tertentu yang menyampaikan kita kepada perkara yang tidak diketahui, iaitu menyatakan kasih untuk orang beriman.

contoh: (Orang beriman adalah orang yang benar), (Setiap orang yang benar itu dikasihi), jadi (Orang beriman dikasihi).

* Ayat-ayat ini yang membantu kita untuk mendapat kepastian tentang menyatakan (kasih) untuk (orang beriman). - dinamakan sebagai ***hujah***.

٥) الأمور المعلومة التي توصلنا إلى تصور مجهول تسمى: قولاً شارحاً، كما تسمى: تعريفاً ومعرفاً،

* إذا أردنا تصور (الفرس)، علينا أن نفكر في أمور معلومة هي حقيقته وهي (حيوان صاهل) - حيوان جنس، صاهل فصل،

* هذه الأمور المعلومة التي هي حيوان صاهل، يطلق عليها قولاً شارحاً و تعريفاً.

* الأمور المعلومة التي توصلنا إلى معرفة مجهول تصديقي تسمى (حجة)

* مثل: (المؤمن محبوب)

* هذا الحكم وهو إثبات الحب للمؤمن، يحتاج إلى ترتيب قضايا معلومة تؤلف على هيئة

مخصوصة توصلنا إلى معرفة هذا المجهول، وهو إثبات الحب للمؤمن،

* مثل: (المؤمن صادق)، (وكل صادق محبوب)، إذن (المؤمن محبوب).

* هذه القضايا التي توصلنا بها إلى إثبات الحب للمؤمن تسمى بالحجة.

⁴ **Mu'arraaf** – pengertian boleh membantu seseorang untuk mengetahui tentang apa yang belum terbayang di fikirannya sebelum itu.

Ta'rif – penjelasan dan penerangan terhadap sesuatu perkara dengan menyatakan sifat dan unsure asasi yang dapat membezakannya dengan benda lain.

Qaul Syarih – sesuatu yang menyebabkan sampai kepada tasawwur / gambaran sama ada dalam bentuk ayat, pengertian, penjelasan dan gambaran.

الأسئلة:

س ١- بين معنى التصور مع التمثيل.

س ٢- مثل لما يأتي: تصور ضروري، ونظري، تصديق ضروري ونظري.

س ٣- مثل للتصديق مبينا معناه عند الحكماء وعند الرازي.

س ٤- بماذا تسمي الأمور المعلومة التي توصلنا إلى مجهول تصوري أو تصديقي؟

بين ذلك مع التمثيل.

الإجابة :

Perbincangan tentang perkataan

Lafaz (Perkataan) berdasarkan maksud berbentuk susunan perkataan atau berbentuk perkataan tunggal, terbahagikan kepada *murakkab* dan *mufrad*

1- **Murakkab** ialah perkataan yang mana sebahagiannya menunjukkan makna sebahagian lain / *murakkab* ialah ayat lengkap.

Contoh :
Orang yang berusaha itu berjaya

Ayat ini - (Orang yang berusaha itu) ialah subjek manakala (Berjaya) ialah prediket

Huraian takrif:

- [اللفظ] : jenis yang merangkumi semua perkataan
- [الذي دل] : tidak termasuk dalam takrif ini ialah perkataan yang tiada maknanya seperti [علي] tulisan terbalik bagi perkataan [يلع] dan [زيد] tulisan terbalik bagi perkataan [ديز].
- [جزؤه] tidak termasuk perkataan yang tidak boleh dibuat bahagian seperti [ك] ganti nama diri kedua dan [ب] huruf Jar.
- [علي جزء معناه] tidak termasuk perkataan yang ada bahagian tetapi bahagian itu tidak ada makna apabila diasingkan, seperti huruf [م] pada perkataan [مُجَّد].
- [دلالة مقصودة] tidak termasuk kata nama khas yang terdiri dari dua perkataan seperti [زين العابدين] dan [عبد الله].

مباحث الألفاظ

اللفظ المستعمل باعتبار دلالاته التركيبية، والإفرادية ينقسم إلى مركب ومفرد.

(١) المركب

هو اللفظ الذي دل جزؤه على جزء معناه دلالة مقصودة،

مثل: المجتهد ناجح،

* هذه القضية وهو (المجتهد) يدل على المحكوم عليه، والجزء الثاني (ناجح) يدل على المحكوم به.

شرح التعريف

* (اللفظ) جنس يشمل جميع الألفاظ،

* (الذي دل) يخرج اللفظ الذي لا دلالة له، وهو اللفظ المهمل، كـ (ديز) مقلوب (زيد)، و(يلع) مقلوب (علي)،

* (جزؤه) يخرج اللفظ الذي لا جزء له، مثل: (ك) كاف الخطاب، و(ب) باء الجر

* (علي جزء معناه) يخرج اللفظ الذي به أجزاء ولكن لا يدل جزؤه على جزء معناه،

– مثل: (مُجَّد) فالميم في مُجَّد لا تدل على جزء معني (مُجَّد)

* (دلالة مقصودة) يخرج الأعلام المركبة، مثل (عبد الله) و(زين العابدين)

2- **Mufrad** ialah perkataan yang mana sebahagiannya tidak menunjukkan makna sebahagian lain / *mufrad* ialah ayat tidak lengkap.

Contoh :Perkataan [Muhammad], [Abdul Rahman] – kata nama khas

Pembahagian Mufrad berdasarkan maknanya

Mufrad berdasarkan maknanya terbahagi kepada : *Kulli* dan *Juz'i*

1- **Kulli** : perkataan yang merangkumi banyak perkara / *kulli* ialah kata nama am

Contoh :Perkataab (Manusia) – boleh digunakan pada setiap individu manusia seperti

* Muhammad, Ahmad, Ali dan lain-lain adalah termasuk dalam kategori manusia.

Contoh : Perkataan [binatang] boleh digunakan pada setiap daripada manusia, kuda dan baghal.

* Ahli mantik terdahulu membahagikan kulli berdasarkan bahagiannya kepada tiga kategori:

1. Perkara yang tidak pernah wujud
2. Perkara yang hanya ada satu sahaja
3. Perkara yang ada banyak

* Ahli mantik terkemudian pula membahagikan setiap tiga perkara di atas kepada dua bahagian pula.:

Pertama :

(i) Perkara yang tidak pernah wujud dan mustahil akan ada

contoh: “Berhimpunnya dua perkara yang berlawanan” dan “sekutu bagi Tuhan pencipta”.

(٢) المفرد:

هو ال لفظ الذي لا يدل جزؤه على جزء معناه دلالة مقصودة،
مثل: (مُحَمَّد)، و(عبد الرحمن) علما،

أقسام المفرد باعتبار معناه

ينقسم المفرد باعتبار معناه إلى كلي، وجزئي،

١- الكلي: هو ما صدق على كثيرين

مثل: (إنسان)، فإنه يصدق على كل فرد من أفراد الإنسان،
فيصدق على مُحَمَّد أنه إنسان، وأحمد، وعلى . . . إلخ،

مثل: حيوان فإنه يصدق على كل فرد من أفراد الإنسان، والحيل، والبغال

قسم الأقدمون الكلي من حيث وجود أفرادهم إلى ثلاثة أقسام:

١. ما لم يوجد منه شيء

٢. ما وجد منه واحد فقط

٣. ما وجد منه أفراد

قسم المتأخرون كل واحد من الثلاثة إلى قسمين:

الأول: (أ) ما لم يوجد منه شيء و يستحيل وجوده،

مثل: اجتماع النقيضين وشريك الباري

(ii) Perkara yang tidak wujud tetapi boleh berlaku

Contoh: Bukit emas, gergasi dan burung garuda

Kedua:

(i) Perkara yang hanya ada satu sahaja dan mustahil ada yang lain

contoh: "Allah swt".

(ii) Perkara yang hanya ada satu sahaja dan boleh ada yang lain

Contoh: Matahari

Ketiga:

(i) Perkara yang ada banyak tetapi ada tempohnya

contoh: Singa.

(ii) Perkara yang ada banyak tetapi tidak berkesudahan

Contoh: Sifat-sifat yang ada pada Allah swt

2- **Juz'i** : perkataan yang tidak merangkumi banyak perkara / *juz'i* ialah kata khas

Contoh : Ali – kata nama khas, kerana ianya menunjukan individu tertentu dengan nama ini sahaja.

* Perkataan Ali sebagai contoh, walaupun mempunyai ramai individu yang bernama Ali tetapi ianya berbeza seperti (Ali Muhammad) itu bukanlah (Ali Ibrahim) bukan juga (Ali Saiful Nasr)

* walaupun berkongsi nama yang sama tetapi berbeza individunya.

(ب) ما لم يوجد منه شيء و يمكن وجوده
مثل : جبل من الذهب والغول والعنقاء.

الثاني: (أ) ما وجد منه فرد ويستحيل وجود غيره
مثل : الإله سبحانه .

(ب) ما وجد منه فرد ويمكن وجود غيره
مثل : الشمس.

الثالث: (أ) ما وجد منه أفراد متناهية
مثل : أسد.

(ب) ما وجد منه أفراد غير متناهية
مثل : صفات الله تعالى الوجودية.

٢- الجزئي: هو ما لا يفهم منه الاشتراك بمعنى أنه لا يصدق على كثيرين،

مثل : (علي) علما؛ لأنه يدل على الذات المشخصة المسماة بهذا الاسم،

* لا يفهم من تكرار اسم علي مثلا بالنسبة لأفراد كثيرة أنه كلي؛ لأنه مجرد اتفاق في الاسم،
ولكن لكل واحد منهم مشخصات تعينه، وتحدد ذاته. ولا تتعداه إلى غيره
(علي مُجَّد) غير (علي إبراهيم) غير (علي سيف النصر)،

* إنها وإن اشتركت في لفظ الاسم فإنها تختلف في المشخصات،

تقسيم الكلبي إلى ذاتي، وعرضي

التعريف الأول: وهو ما اختاره المصنف،

(١) الذاتي : ما اندرج في الماهية وكان جزءا منها،

– (ناطق) فصل، و(الإنسان) نوع،

* إذا نظرنا إلى المثال (الإنسان حيوان ناطق)، نجد أن ماهية الإنسان هي (حيوان ناطق)

وناطق جزء من ماهية الإنسان مندرج فيها فيكون ذاتيا وهو فصل، أما النوع وهو إنسان

فهو تمام الماهية وليس جزءا منها.

* على هذا التعريف يكون النوع ذاتيا.

(٢) العرضي: ما كان خارجا عن الماهية،

* لو عرفنا الإنسان بأنه حيوان فضاحك ، نجد أن (ضاحك) ليس جزءا للماهية، وإنما هو

خارج عنها خاص بها، ولذلك يسمى خاصة

* أما إذا كان خارجا عن الماهية وليس خاصا بها بل عاما،

مثل: (ماش) يسمى عرضا عاما.

* على هذا التعريف يكون الذاتي من الكلبي هو : الجنس والفصل والعرضي هو الخاصة،

والعرض العام.

* أما النوع فليس ذاتيا ولا عرضيا إنما هو واسطة بين الذاتي والعرضي.

Kulli terbahagi kepada zaati dan aradhi

Ta'rif Pertama : Inilah yang menjadi pilihan pengarang kitab ini.

1- **Zaati** ialah perkataan yang termasuk dalam hakikat sesuatu dan ia merupakan satu bahagian daripanya.

Contoh :

[bertutur] ialah *fasal* dan [manusia] ialah *Nau'*.

* Apabila kita perhatikan contoh [manusia binatang yang boleh bertutur] – kita dapati hakikat manusia ialah [haiwan yang boleh bertutur].

[yang boleh bertutur] adalah sebahagian daripada hakikat manusia – ini adalah Zaati

Manakala *Nau'* iaitu [manusia] ia adalah hakikatnya bukan sebahagiannya.

Ta'rif ini adan jenis **zaati**.

2- **Aradhi** ialah perkataan yang di luar dalam hakikat sesuatu.

* Apabila kita telah mengetahui : Manusia adalah haiwan seterusnya boleh ketawa. Jadi [boleh ketawa] itu bukanlah sebahagian hakikatnya bahkan ia adalah sifat luaran yang khusus baginya. Oleh itu ianya dinamakan **Khas**.

* Apabila ianya luar daripada hakikatnya dan bukan khusus baginya tetapi umum, seperti [berjalan] maka ia dinamakan sifat umum.

* Ta'rif ini adalah Zaati kulli iaitu Jins, fasl, 'ard khas dan 'ard am.

* *Nau'* itu bukanlah zaati juga bukan 'ard tetapi ia adalah perantaraan antara zaati dan 'ard.

Ta'rif Kedua :

1- **Zaati** ialah sesuatu yang tidak keluar dari hakikatnya.

Contoh :

manusia ialah haiwan yang boleh bertutur.

[bertutur] ialah *fasal* dan [] ialah *Nau'*.

* Apabila kita perhatikan bahawa [manusia] adalah nau' yang tidak keluar dari hakikatnya kerana ia adalah hakikat sesuatu

Jins iaitu [haiwan] tidak keluar dari hakikatnya, kerana ia adalah sebahagian hakikat yang dikongsi bersama dengan yang lain.

Fasl iaitu [yang boleh bertutur] tidak keluar dari hakikatnya. Ia adalah sebahagian daripada hakikat manusia yang membezakannya dengan perkara lain.

* Ta'rif ini adalah Zaati yang merangkumi nau', Jins, fasl.

2- **Aradhi** ialah perkataan yang di luar daripada hakikat sesuatu.

* ianya merangkumi (khas) seperti [boleh ketawa] bagi manusia dan merangkumi juga 'ardh am seperti [boleh berjalan] bagi manusia.

التعريف الثاني

١- **الذاتي**: هو ما ليس خارجا عن الماهية،

مثل : الإنسان حيوان ناطق،

* نرى أن (الإنسان) وهو النوع ليس بخارج عن الماهية؛ لأنه تمام الماهية،

* الجنس وهو حيوان ليس بخارج عن الماهية؛ لأنه جزء الماهية المشترك بينها وبين غيرها.

* الفصل وهو ناطق ليس بخارج عن الماهية وهو جزء الماهية المميز لها عما عداها.

* على هذا التعريف يكون الذاتي شاملا للنوع والجنس والفصل.

٢- **العرضي**: هو ما كان خارجا عن الماهية،

* هو يشمل (الخاصة)، كالمضحك بالنسبة للإنسان، و(العرض العام)، كالمشي بالنسبة

للإنسان.

الأسئلة:

س ١- اذكر أقسام اللفظ من حيث دلالاته التركيبية، والإفرادية، وعرف كل قسم مع التمثيل.

س ٢- بين المفرد والمركب فيما يأتي:

علي، عبد الله (علما)، المؤدب محبوب، زين العابدين (علما)، المجتهد ناجح.

س ٣- عرف كلا من الكلبي، والجزئي مع التمثيل ثم عين الكلبي والجزئي فيما يأتي:

١. إنسان ٢. علي ٣. جمل ٤. ضاحك

٥. مُجَدِّد ٦. ماش ٧. خالد

س ٤- عرف الذائي والعرضي بأحد التعريفين اللذين درستهما مبينا ما يشمله التعريف من

الكليات الخمسة.

س ٥- بين الذاتي والعرضي فيما يأتي:

إنسان، ماش، فرس، منتصب القامة، صاهل، ضاحك.

الإجابة :

KULLIYAT KHAMS

Kulliyat ada lima iaitu Jins, Fasl, nau', Khassah dan 'Aradh am.

1. Sekiranya kulli itu adalah hakikat sesuatu, ianya dinamakan (Nau').
contoh: (Kuda) ianya menyamai (binatang yang merenggek)
2. Sekiranya kulli itu adalah Satu bahagian dari hakikat sesuatu yang menyamainya, ianya dinamakan (Fasl).
contoh: (yang merenggek) ia adalah satu bahagian dari hakikat sesuatu iaitu (binatang yang merenggek)
3. Sekiranya satu bahagian dari hakikat sesuatu itu adalah lebih umum, ianya dinamakan (Jins).
contoh: (binatang) adalah satu bahagian dari hakikat (Kuda) ia adalah lebih umum kerana binatang merangkumi binatang yang merenggek dan binatang yang boleh bercakap.
4. Sekiranya kulli itu adalah Sifat luaran bagi sesuatu yang khusus, ianya dinamakan (khassah).
contoh: (ketawa) bagi manusia
5. Sekiranya kulli itu adalah Sifat luaran bagi sesuatu yang bukan khusus, ianya dinamakan (Aradh Am).
contoh: (Berjalan) bagi manusia

*** Contoh:

Manusia ialah haiwan yang ketawa dan berjalan

| | | |
|---------------------------------------|-----------------------|----------|
| a) Hakikat sesuatu | i- <i>Nau'</i> | Manusia |
| b) Satu bahagian dari hakikat sesuatu | ii- <i>Jins</i> | Binatang |
| | iii- <i>Fasl</i> | Bertutur |
| c) Sifat luaran bagi sesuatu | iv- <i>Aradh Khas</i> | Ketawa |
| | v- <i>Aradh Am</i> | Berjalan |

الكليات الخمس

الكليات خمسة (هي الجنس والفصل والنوع والخاصة والعرض العام).

- ١- إن كان الكلي تمام الماهية سمي (نوعا)، مثل: (الفرس) هو يساوي (حيوان صاهل).
- ٢- إن كان الكلي جزء الماهية المساوي سمي (فصل)، مثل: (صاهل) هو جزء الماهية التي هي (حيوان صاهل).
- ٣- إن كان جزء الماهية الأعم منها فهو (الجنس)، مثل: (حيوان) هو جزء من ماهية (الفرس)، وهو أعم منها؛ لأنه حيوان يشمل الحيوان الصاهل والحيويان الناطق.
- ٤- إن كان الكلي عرضا للماهية خاصا بما سمي (خاصة)، مثل: (الضاحك) بالنسبة للإنسان.
- ٥- إن كان الكلي عرضا للماهية غير خاص بما بل يشملها وغيرها سمي (عرضا عاما)، مثل: (الماشي) بالنسبة للإنسان.

** مثل : [الإنسان حيوان ناطق ضاحك ماشي]

| | | |
|-----------------|------------|---------------|
| أ) تمام الماهية | ١- نوع | مثل : الإنسان |
| ب) جزء الماهية | ٢- جنس | مثل : حيوان |
| | ٣- فصل | مثل : ناطق |
| ج) عرض للماهية | ٤- عرض خاص | مثل : ضاحك |
| | ٥- عرض عام | مثل : ماشي |

١- الجنس

الجنس : كلي صادق على كثيرين مختلفين بالحقيقة في جواب [ما هو ؟]

مثل (١) : [حيوان] - يصدق على [الإنسان، الفرس، الجمل]

- إذا سئل : ما هو الإنسان ؟ / ما هو الفرس ؟ / ما هو الجمل ؟

- كان الجواب : حيوان.

مثل (٢) : [جسم] - يصدق على [الجسم النامي كالحیوان، النبات] و [غير النامي

كالحجر، الحديد]

- إذا سئل : ما هو الحيوان ؟ / ما هو النبات ؟ / ما هو الحجر ؟ / ما هو الحديد ؟

- كان الجواب : جسم

شرح التعريف :

- صادق على كثيرين مختلفين بالحقيقة : يخرج (النوع كالإنسان) لأنه صادق على كثيرين

متفقين بالحقيقة

- في جواب [ما هو ؟] : يخرج (العرض العام) - إنه لا يقال في الجواب أصلاً كما هو

اصطلاح المناطق، ويخرج (الفصل) و (العرض الخاص) لأنهما في جواب [أي شيء هو ؟]

أقسام الجنس

١- الجنس القريب : ما لا جنس تحته، وفوقه أجناس.

مثل : حيوان - تحته [أنواع : إنسان، فرس، جمل]، وفوقه [أجناس : جسم نام]

1- Jins

Jins ialah *Kulli* (kata nama am) yang merangkumi banyak perkara yang berlainan hakikatnya, bagi jawapan kepada soalan [apakah hakikatnya?].

Contoh 1 :

[Haiwan] – meliputi – [manusia, kuda, unta]

- Apabila ditanya : Apakah hakikat manusia ?/ apakah hakikat kuda ?/ apakah hakikat unta ?
- Jawabannya : jenis haiwan

Contoh 2 :

[Jisim] – meliputi – [jisim yang berkembang seperti haiwan, tumbuhan] dan [jisim yang tidak berkembang seperti batu, besi]

- Apabila ditanya : Apakah hakikat haiwan ?/ Apakah hakikat tumbuhan?/ Apakah hakikat batu?/ Apakah hakikat besi?
- Jawabannya :Jenis jisim

Huraian Takrif :

- [صادق على كثيرين مختلفين بالحقيقة] tidak termasuk dalam takrif ini ialah *Nau'* seperti perkataan "manusia". kerana ia menepati banyak perkara yang sama hakikatnya

- [في جواب (ما هو ؟)] tidak termasuk [Aradh Am],kerana ianya bukanlah jawapan kepada soalan tersebut mengikut istilah ahli mantik. Juga keluar dari takrif ini [Fasl] dan [Aradh Khas] kerana kedua-duanya adalah pada jawapan kepada soalan (manakah hakikat sesuatu itu?)

Bahagian Jins

1- *Jins Qarib* (*Jins* yang paling rendah) : di bawahnya tidak terdapat apa-apa *Jins* lagi dan di atasnya terdapat beberapa *Jins*.

Contoh :

Perkataan (haiwan) – di bawahnya - [*Nau'* : iaitu manusia, kuda, unta] dan di atasnya [*Jins*: iaitu jisim yang berkembang]

2- *Jins Baid* (*Jins* yang paling tinggi) : di atasnya tidak terdapat *Jins* dan di bawahnya terdapat beberapa *Jins* lagi

Contoh :

Perkataan (*Jauhar* – zat sesuatu) – tidak ada di atasnya *Jins* dan di bawahnya - [*Jins* : iaitu jisim yang berkembang, *yang mempunyai perasaan*]

3- *Jins Wasit* (*Jins* yang pertengahan) : di atasnya terdapat beberapa *Jins* dan di bawahnya juga terdapat beberapa *Jins*.

Contoh :

Perkataan (jisim yang berkembang) – di atasnya - [*Jins* : iaitu jisim secara umum termasuklah yang berkembang dan lainnya) di bawahnya - [*Jins* : iaitu haiwan, tumbuhan]

2. FASL

Fasl ialah satu bahagian zat yang menepati, bagi jawapan kepada soalan [manakah hakikat sesuatu itu?].

Contoh : suara ringkikan kuda

- Apabila ditanya tentang kuda : manakah hakikat perkara ini ?
- Jawapannya : ia jenis suara ringkikan

Huraian takrif **Fasl**

- [جزء الماهية] tidak termasuk dalam takrif ini ialah *Nau'* kerana ia adalah hakikat sesuatu, juga tidak termasuk dalam takrif ini ialah *khassah* dan *aradh am* kerana kedua-duanya keluar daripada hakikat sesuatu.

- [الصادق عليها] tidak termasuk dalam takrif ini ialah bahagian sesuatu seperti bumbung bagi sebuah rumah, kerana bumbung itu tidak menepati pengertian rumah.

- [في جواب أي شيء هو] terkeluar termasuk dari takrif ini ialah *jins* dan *nau'* kerana *jins* dan *nau'* adalah untuk jawapan kepada "Apakah hakikat sesuatu itu?".

٢- الجنس البعيد : ما لا جنس فوقه وتحتة أجناس

مثل : جوهر – ليس فوقه جنس، وتحتة [أجناس : جسم نام، حساس].

٣- الجنس الوسيط : ما فوقه جنس وتحتة جنس

مثل : نام – فوقه [جنس : الجسم المطلق – يشمل النامي وغيره] وتحتة [جنس : حيوان،

نبات]

٢- الفصل

الفصل : جزء الماهية الصادق عليها في جواب [أي شيء هو في ذاته?].

مثل : صاهل

- إذا سئل عن الفرس : أي شيء هو في ذاته?

كان الجواب : صاهل

شرح التعريف :

- جزء الماهية : يخرج النوع؛ لأنه تمام الماهية، والخاصة والعرض العام؛ لأنهما خارجان

عن الماهية.

- الصادق عليها : يخرج الجزء المادي كالسقف بالنسبة للبيت، لأن السقف لا

يصدق على البيت

- في جواب أي شيء هو : مخرج للجنس والنوع؛ لأن الجنس والنوع يقالان في

جواب ما هو.

Bahagian Fasl

Fasl ada dua bahagian : *Fasl Qarib* dan *Fasl Baid*

1- **Fasl Qarib** : ialah ciri yang membezakan (hakikat) sesuatu itu dengan sesuatu lain daripada *Jins Qarib*.

Contoh : sifat bertutur

Jins Qarib bagi perkataan [manusia] ialah [haiwan – merangkumi haiwan yang bertutur / meringgik]. Maka *Fasl* di sini ialah yang bertutur. Ianya membezakan manusia daripada binatang meringgik.

2- **Fasl Baid** : ialah ciri yang membezakan (hakikat) sesuatu itu dengan sesuatu lain daripada *Jins Baid*.

Contoh : sifat berkembang

Jins Baid bagi perkataan [manusia] ialah [yang berkembang – merangkumi yang mempunyai perasaan seperti haiwan / yang tidak mempunyai perasaan seperti tumbuhan]. Maka *Fasl* (bagi manusia) ialah yang mempunyai perasaan.

Perkataan [حساس — yang mempunyai perasaan]

- apabila ia berada pada jawapan bagi soalan : apakah hakikat sesuatu itu? Maka ia adalah *Jins*.
- apabila ia berada pada jawapan bagi soalan : manakah hakikat sesuatu itu? Maka ia adalah *Fals*.

3- Nau'

Nau' terbahagi kepada nau' hakiki dan nau' idhofi

i) Nau' hakiki :

Sesuatu yang menepati banyak yang bersamanya hakikatnya, bagi jawapan kepada soalan [Apakah hakikat sesuatu itu?].

Huraian takrif

- [ما صادق على كثيرين] tidak termasuk dalam takrif ini ialah juzu' seperti Muhammad

- [متفقين بالحقيقة] tidak termasuk dalam takrif ini ialah jins kerana ia dikatakan banyak yang berbeza hakikatnya

أقسام الفصل :

الفصل قسامان : قريب وبعيد.

١- **الفصل القريب** : ما يميز الشيء عن جنسه القريب.

مثل : ناطق

- جنس الإنسان القريب : حيوان (يشمل الحيوان الناطق والصاهل) - الفصل هو ناطق يميز الإنسان عن الحيوان الصاهل.

٢- **الفصل البعيد** : ما يميز الشيء عن جنسه البعيد.

مثل : نام.

- جنس الإنسان البعيد : نام (يشمل الحساس كالحيوان وغير الحساس كالنبات) - الفصل هو حساس.

كلمة [حساس] - إذا وقعت في جواب [ما هو؟] كانت جنسا،

- إذا وقعت في جواب [أي شيء هو؟] كانت فصلا.

٣. النوع

ينقسم النوع إلى نوع حقيقي ونوع إضافي

١. **النوع الحقيقي** : ما صادق على كثيرين متفقين بالحقيقة في جواب [ما هو ؟]

شرح التعريف :

- ما صادق على كثيرين : يخرج الجزئي كمحمد

- متفقين بالحقيقة : يخرج الجنس؛ لأنه يقال على كثيرين مختلفين بالحقيقة

- [في جواب [ما هو ؟]] tidak termasuk dalam takrif ini ialah

'Aradh am, kerana ia bukan bagi jawapan soalan [Apakah hakikat sesuatu itu?] mengikut istilah ilmu mantik.

Fasl, kerana ia bagi jawapan soalan [Manakah hakikat sesuatu itu?]

Khassah, kerana ia bagi jawapan soalan [Manakah hakikat sesuatu itu dari segi sifatnya?]

ii) Nau' idhofi

Nau' idhofi : Sesuatu yang menepati banyak (yang bersamaannya hakikatnya), bagi jawapan kepada soalan [Apakah yang berada di bawah jins?].

contoh: Manusia

- menepati bagi jawapan kepada soalan [Apakah banyak perkara yang sama hakikatnya], ia adalah nau' hakiki.

- menepati banyak perkara yang sama hakikatnya bagi jawapan kepada soalan [Apakah hakikatnya], ia berada di bawah jins, yang mana (manusia) berada di bawah (haiwan).

Nau' idhofi hanya pada jins qarib seperti haiwan dan jins wasat seperti jisim.

Kedua-dua contoh ini menepati banyak perkara bagi jawapan (Apakah hakikat sesuatu itu?), ia berada di bawah jins

[Haiwan], berada di bawah (name - berkembang), jisim berada di bawah (jauhar)

- في جواب [ما هو ؟] :

يخرج العرض العام، إنه لا يقال في الجواب كما هو مصطلح المناطقة

يخرج الفصل إنه يقال في جواب [أي شيء هو في ذاته؟]

يخرج الخاصة لأنها في جواب [أي شيء هو في عرضه؟]

٢. النوع الإضافي

النوع الإضافي: ما صدق على كثيرين في جواب ما هو المدرج تحت جنس.

مثل: إنسان

- يصدق عليه أنه يقال في جواب ما هو على كثيرين متفقين بالحقيقة فيكون نوعا حقيقيا ،

- يصدق عليه أنه يقال على كثيرين في جواب ما هو ،

ويندرج تحت جنس، حيث إن إنسان يندرج تحت حيوان.

ينفرد الإضافي في الجنس القريب، مثل: (حيوان) والوسط مثل: (جسم)،

فكل من المثالين يصدق عليه أنه صادق على كثيرين في جواب ما هو ومندرج تحت جنس.

حيوان يندرج تحت (نাম) وجسم يندرج تحت (جوهر)

4. Khassah

'Khassah' ialah lafaz kulli yang luar dari hakikat sesuatu yang khas baginya – menjadi jawpan kepada soalan [Apakah hakikat sesuatu itu dari segi sifatnya?]

Huraian takrif:

(الخارج عن الماهية) – tidak termasuk bentuk ini ialah jins, nau' dan fasl.

(بها الخاص) - tidak termasuk bentuk ini ialah 'aradh am

Khassah :

- Boleh untuk Jins seperti [berjalan] bagi haiwan. [berjalan itu khas bagi haiwan]
- Boleh juga untuk Nau' seperti [ketawa] bagi manusia.

3. 'Arad Am

'Arad Am' ialah lafaz kulli yang luar dari hakikat sesuatu yang boleh dikatakan untuknya dan untuk perkara lain.

Contoh:

(Berjalan) – boleh digunakan untuk manusia, kuda dan unta.

Huraian takrif:

- (الكلي الخارج عن الماهية الصادق عليها وعلى غيرها) - tidak termasuk bentuk ini ialah jins, nau' dan fasl.

- (الصادق عليها وعلى غيرها) - tidak termasuk bentuk ini ialah khas

٤ - الخاصة

الخاصة: هي الكلي الخارج عن الماهية الخاص بما الواقع في جواب [أي شيء هو في عرضه؟]

شرح التعريف:

- الخارج عن الماهية يخرج الجنس والنوع والفصل،
- الخاص بما يخرج العرض العام.

الخاصة : قد تكون للجنس كالماشي للحيوان، فالماشي خاص بالحيوان وقد تكون للنوع كالضاحك للإنسان،

٥ - العرض العام

العرض العام : الكلي الخارج عن الماهية الصادق عليها وعلى غيرها.

مثل : الماشي – يصدق على الإنسان والفرس والجمل

شرح التعريف :

الكلي الخارج عن الماهية: يخرج الجنس والنوع والفصل
الصادق عليها وعلى غيرها يخرج الخاصة.

الأسئلة :

س ١- اذكر وجه انحصار الكليات في خمسة.

س ٢- عرّف الجنس. وبين أقسامه مع التمثيل.

س ٣- عرّف الفصل وبين أقسامه مع التمثيل.

س ٤- بيّن الفرق بين العرض العام والخاصة مع التمثيل.

س ٥- اذكر الفرق بين النوع الحقيقي، والنوع الإضافي مع التمثيل.

س ٦- بيّن نوع الكلبي فيما يأتي:

[صاهل، مثلث، نبات، جسم، ضاحك]

ثم ضع كلمة (ماش) في مثالين بحيث تكون في الأول عرضا عاما وفي الثاني خاصة.

الإجابة :